



## JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: (A) 100-4/10 Jld. 4 (26)

Tarikh : 07 Mei 2021

Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

### PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL.9 TAHUN 2021 GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN NEGERI SABAH (ASET KERAJAAN)

#### 1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan berkenaan had nilai Aset dipermodalkan serta pengiktirafan dan pengelasan Aset untuk tujuan pelaksanaan Perakaunan Akruan di peringkat Kerajaan Negeri Sabah.

#### 2. LATAR BELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Polisi Perakauan Akruan Kerajaan Negeri (JKPPAK) yang bermesyuarat pada 17 Februari 2021 telah menetapkan beberapa polisi yang perlu dipatuhi oleh semua Kementerian / Jabatan / Pejabat Daerah dalam pelaksanaan Perakaunan Akruan. Ini adalah tambahan kepada polisi Aset Perakaunan Akruan yang telah diluluskan sebelum ini sebagai panduan pelaksanaan perakaunan akruan di peringkat Kerajaan Negeri Sabah yang mematuhi piawaian dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

“SABAH MAJU JAYA”



### 3. HAD NILAI ASET DIPERMODALKAN

#### 3.1 ASET BIOLOGI

Bagi memastikan Aset Biologi diperakaunkan selaras dengan *Malaysian Public Sector Accounting Standard* (MPSAS), tidak ada had nilai dipermodalkan untuk Aset Biologi yang dikategorikan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan, Aset Biologi Pertanian dan Inventori yang berbeza bergantung kepada takrifan atau aktiviti yang dilaksanakan.

Oleh itu, Aset Biologi yang dikategorikan dibawah Hartanah, Loji dan Peralatan adalah dikecualikan daripada menggunakan had nilai dipermodalkan RM2,000 dan ke atas.

### 4. PENGIKTIRAFAN DAN PENGELASAN ASET

#### 4.1 ASET BIOLOGI

Dalam Aset Biologi terdapat kepelbagaian aktiviti yang dijalankan yang memerlukan pengelasan akaun berdasarkan fungsi dan aktiviti Aset tersebut. Berikut adalah polisi pengelasan akaun bagi Aset Biologi yang perlu dipatuhi:

<b>Pengelasan Akaun</b>	<b>Aset Biologi</b>
<b>Hartanah, Loji dan Peralatan (MPSAS 17)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Aset Biologi yang digunakan bagi tujuan operasi (kawalan kastam) dan pengangkutan.</li><li>ii. Aset Biologi yang digunakan untuk tujuan penyelidikan.</li><li>iii. Aset Biologi yang digunakan untuk tujuan hiburan dan rekreasi (pertunjukan dan pameran).</li><li>iv. Aset Biologi yang dianggap sebagai Aset Hidup khazanah alam. Adalah diiktiraf sebagai Aset Warisan.</li></ul>

<b>Aset Biologi (MPSAS 27)</b>	Aset Biologi yang digunakan untuk tujuan pengeluaran pertanian atau haiwan.
<b>Inventori (MPSAS 12 dan 27)</b>	Keluaran pertanian semasa menuai.

## 4.2 ASET TAK KETARA

Dalam pematuhan terhadap MPSAS 31, Aset Tak Ketara adalah dikelaskan berdasarkan fungsi Aset tersebut:

- a) Aset Tak Ketara yang menyumbang kepada operasi sesuatu Aset dan menjadi bahagian terpenting akan diiktiraf sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan. Sebagai contoh, perisian jentera yang diperlukan untuk tujuan mengerakkan jentera tersebut. Tanpa perisian ini jentera tidak boleh berfungsi.
- b) Hasil penyelidikan dan pembangunan dianggap Aset Tak Ketara kerana ilmu pengetahuan adalah menjadi elemen utama yang akan membangunkan elemen sekunder (prototaip). Oleh itu, semua penyelidikan dan pembangunan yang dipermodalkan sebagai Aset Tak Ketara perlu memenuhi objektifnya untuk menghasilkan elemen sekunder. Sekiranya objektif penyelidikan dan pembangunan hanya ditahap penghasilan ilmu pengetahuan sahaja, maka Aset Tak Ketara akan diiktiraf sebagai Belanja.
- c) Seseengah Aset Warisan Tak Ketara mempunyai manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan selain nilai warisannya. Sebagai contoh royalti yang dibayar kepada entiti untuk menggunakan rakaman peristiwa bersejarah. Aset Warisan Tak Ketara seperti ini akan diiktiraf dan diukur pada asas yang sama seperti item Aset Tak Ketara yang menjana tunai.

## 5. PENGIKTIRAFAN DAN PENGELASAN ASET

### 5.1 PENENTUAN KAEDAH SUSUT NILAI

Bagi memastikan polisi Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri Sabah yang jelas dan tekal dalam menentukan caj susut nilai bagi setiap Aset untuk sesuatu tempoh, ianya hendaklah menggunakan Kaedah Garis Lurus pada kadar yang dikira untuk mengagihkan kos susut nilai dikira berdasarkan kos tolak apa - apa anggaran nilai sisa sepanjang baki usia gunanya.

Bagi Aset yang dapat ditentukan usia gunanya, susut nilai hendaklah dikira secara bulanan seperti berikut:.

$$= \frac{\text{Kos - Nilai Sisa}}{\text{Usia Guna (bulanan)}}$$

Manakala bagi Aset yang tidak dapat ditentukan usia gunanya susut nilai hendaklah dikira secara tahunan (peratus) seperti berikut:.

$$= \text{Kos} \times \% \text{ Susut nilai}$$

### 5.2 PENENTUAN KAEDAH INVENTORI

Kerajaan Negeri Sabah menetapkan bahawa penentuan kaedah inventori hendaklah menggunakan kaedah Kos Purata Wajaran (WAC). Kos Inventori yang menggunakan kaedah ini adalah dianggap relevan selagi boleh menggambarkan corak manfaat ekonomi masa hadapan yang dijangka akan digunakan oleh Kerajaan Negeri Sabah. Manakala bagi Kementerian atau Jabatan yang mempunyai Inventori mudah rosak boleh menggunakan Kaedah Masuk Dulu Keluar Dulu (FIFO) ataupun Kaedah Luput Dulu Keluar Dulu (FEFO).

Bagi Kementerian atau Jabatan dan Pusat Tanggungjawab dibenarkan melaksanakan Sistem Inventori Berkala sendiri tertakluk kepada kelulusan Jabatan Bendahari Negeri Sabah.

### 5.3 PENENTUAN PELUPUSAN ASET

Bagi pelupusan item Hartanah, Loji dan Peralatan, terdapat beberapa cara yang boleh dilakukan seperti melalui jualan, pajakan kewangan ataupun melalui derma. Selain itu, terdapat beberapa kaedah untuk menentukan pelupusan Aset seperti:

- a) Aset dijual/dibuang sebagai tiada nilai pada akhir usia;
- b) Aset dijual sebelum sampai akhir usia guna; atau
- c) Aset lama ditukar ganti dengan Aset baharu

Bagi kaedah pelupusan Aset lama ditukar ganti dengan Aset baharu, pengiktirafan untung atau rugi dalam Penyata Prestasi Kewangan adalah seperti yang berikut:

Jika aset tidak sama jenis	Untung atau rugi perlu diiktiraf
Jika aset sama jenis (Nilai Saksama Aset yang lama sama dengan Nilai Aset yang baru)	Tiada untung atau rugi perlu diiktiraf
Nilai Saksama Aset yang lama tidak sama dengan Nilai Aset yang baru dan ada elaun tukar niaga	Rugi perlu diiktiraf, untung tidak perlu diiktiraf.

#### 5.4 PENENTUAN PELUPUSAN ASET

Sebarang penjejasan nilai Aset perlu dirujuk dari sumber maklumat luaran atau sumber maklumat dalaman melalui dokumen sokongan berikut:

Sumber Maklumat Luaran	Sumber Maklumat Dalaman
<ol style="list-style-type: none"><li>1. Pemberhentian permintaan atau keperluan bagi perkhidmatan yang disediakan oleh Aset.</li><li>2. Perubahan jangka panjang yang ketara dalam teknologi, perundangan atau suasana persekitaran polisi kerajaan yang memberi kesan buruk ke atas entiti telah berlaku dalam tempoh tersebut atau akan berlaku dalam masa terdekat.</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Kerosakan fizikal Aset.</li><li>2. Perubahan ketara yang memberi kesan yang buruk ke atas organisasi dalam jangka panjang atau dijangka berlaku dalam masa terdekat, setakat mana, Aset digunakan atau dijangka akan digunakan.</li><li>3. Sesuatu keputusan untuk memberhentikan pembinaan sesuatu Aset sebelum ia lengkap atau keadaan yang boleh digunakan</li><li>4. Bukti daripada laporan dalaman yang menunjukkan bahawa prestasi perkhidmatan sesuatu Aset dijangka atau menjadi lebih teruk daripada jangkaan</li></ol>

Kriteria penentuan penjejasan aset adalah seperti yang berikut:

- a) Jika amaun boleh pulih Aset adalah kurang daripada amaun bawaannya, ia akan dilaporkan pada amaun boleh pulih dan kerugian penjejasan nilai diiktiraf.
- b) Bagi aset menjana tunai, amaun boleh pulihnya adalah mana-mana amaun yang lebih tinggi antara amaun boleh pulih melalui jualan (selepas ditolak kos jualan) atau amaun yang akan dijana melalui penggunaan Aset tersebut sepanjang usia gunanya.

- c) Bagi Aset yang tidak menjana tunai, jika amaun perkhidmatan boleh pulih kurang daripada amaun bawaannya, Aset tersebut akan dilaporkan pada amaun perkhidmatan boleh pulih.
- d) Kerugian akibat penjejasan nilai perlu dilaporkan dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika Aset tersebut dibawa pada amaun dinilai semula, apa-apa kerugian penjejasan nilai dianggap sebagai pengurangan penilaian semula.

## 6. PELABURAN

Pelaburan dalam Entiti Dikawal, Entiti Bersekutu dan Entiti Dikawal Bersama adalah pelaburan ekuiti dalam syarikat, badan berkanun dan agensi antarabangsa.

- a) Pelaburan Dalam Entiti Dikawal:
  - i. Pelaburan sedia ada menggunakan Kaedah Ekuiti dengan mengambil kira Nilai Buku.
  - ii. Pelaburan baharu menggunakan Kaedah Ekuiti dengan mengambil kira kos pada pengukuran awal atau;
  - iii. Sebagai Aset Kewangan dan berikutnya dibawa pada kos atau sebagai aset kewangan.
- b) Pelaburan Dalam Entiti Bersekutu:
  - i. Pelaburan sedia ada menggunakan Kaedah Ekuiti dengan mengambil kira Nilai Buku.
  - ii. Pelaburan baharu menggunakan Kaedah Ekuiti dengan mengambil kira kos pada pengukuran awal atau;
  - iii. Sebagai Aset Kewangan dan berikutnya dibawa pada kos atau sebagai aset kewangan.
- c) Pelaburan Dalam Entiti yang Dikawal Bersama:
  - i. Pelaburan sedia ada menggunakan Kaedah Ekuiti dengan mengambil kira Nilai Buku.

- ii. Pelaburan baharu menggunakan Kaedah Ekuiti dengan mengambil kira kos pada pengukuran awal atau;
  - iii. Sebagai Aset Kewangan dan berikutnya dibawa pada kos atau sebagai aset kewangan.
- d) Pelaburan mudah Aset sedia dijual menggunakan Kaedah Instrumen Kewangan.
- e) Pelaburan dalam Badan Berkanun (diiktiraf sebagai Entiti Dikawal) menggunakan Kaedah Ekuiti.

## 7. PAJAKAN

Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bil. 7/2020 bertarikh 30 Jun 2020 telah menerangkan tentang definisi Aset Pajak menurut MPSAS 13.

Pajakan Kewangan dan Pajak Operasi dari perspektif Kerajaan Negeri Sabah sebagai Pemberi Pajak dan Kerajaan Negeri Sabah sebagai Pemajak adalah seperti yang berikut:

	<b>Pajakan Kewangan</b>	<b>Pajakan Operasi</b>
<b>Kerajaan Negeri sebagai Pemajak</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Dipermodalkan sebagai Aset pada nilai saksama termasuk tambahan kos langsung awal pemajak</li> <li>b) Aset yang dipajak akan disusutnilai sepanjang tempoh pajakan dan sekiranya terdapat kepastian Pemajak akan memiliki hak Aset tersebut maka ianya akan disusutnilai sepanjang usia guna Aset tersebut.</li> </ul>	Diiktiraf sebagai Belanja mengikut Asas Garis Lurus di sepanjang tempoh pajakan. Pajak ini hendaklah tidak termasuk kos perkhidmatan yang lain seperti insurans dan penyelenggaraan.



	<b>Pajakan Kewangan</b>	<b>Pajakan Operasi</b>
<b>Kerajaan Negeri sebagai Pemberi Pajak</b>	Amaun yang dibayar oleh Pemajak akan diiktiraf sebagai Akaun Belum Terima.	Aset dipermodalkan sebagai Aset Hartanah, Loji dan Peralatan (HLP) dan sekiranya boleh disusutnilai akan disusutnilai secara kaedah garis lurus seperti HLP yang lain.

Permulaan Tempoh Pajak adalah tarikh Pemajak berhak untuk menggunakan Aset Pajak dan ini adalah tarikh pengiktirafan awal Aset Pajak.

#### **8. ASET YANG DIBINA-KENDALI PINDAH MELALUI KERJASAMA SWASTA**

Pemberi Pajak (entiti Kerajaan Negeri Sabah) hendaklah mengiktiraf Aset yang disediakan oleh Pengendali dan sebarang penaiktarafan ke atas Aset Pemberi Pajak sedia ada sebagai Aset Konsesi Perkhidmatan jika:

- a) Pemberi Pajak mengawal atau memberi peraturan tentang perkhidmatan apa yang perlu disediakan oleh Pengendali berkaitan dengan Aset berkenaan, kepada siapa ianya disediakan, dan harga yang dikenakan;
- b) Pemberi Pajak mengawal, sama ada melalui pemilikan, kelayakan manfaat kepentingan sisa signifikan Aset berkenaan pada akhir terma perjanjian; dan
- c) Aset digunakan dalam perjanjian konsesi perkhidmatan bagi keseluruhan usia guna sekiranya kriteria (i) dipenuhi.

Pemberi Pajak hendaklah pada awalnya menilai Aset Konsesi Perkhidmatan pada Nilai Saksama. Selepas pengiktirafan awal atau pengelasan semula, Aset Konsesi Perkhidmatan hendaklah diakaunkan sebagai kelas Aset yang berasingan mengikut MPSAS 17 -Hartanah, Loji dan Peralatan atau MPSAS 31 - Aset Tak Ketara mengikut mana yang berkaitan.

Apabila Pemberi Pajak mengiktiraf Aset Konsesi Perkhidmatan, Pemberi Pajak hendaklah juga mengiktiraf Liabiliti. Liabiliti yang diiktiraf hendaklah pada awalnya dinilai amaun yang sama dengan Aset Konsesi diselaraskan dengan jumlah pertimbangan lain (contohnya, tunai) daripada Pemberi Pajak kepada Pengendali atau daripada Pengendali kepada Pemberi Pajak. Pemberi pajak tidak perlu mengiktiraf liabiliti apabila Aset Pemberi Pajak sedia ada dikelaskan semula sebagai Aset Konsesi Perkhidmatan, kecuali dalam keadaan apabila pertimbangan tambahan (contohnya, tunai) disediakan oleh Pengendali.

Aset dan Liabiliti Konsesi diiktiraf apabila terdapat peruntukan untuk perkhidmatan awam dan kriterianya dipenuhi.

#### **9. *Private Finance Initiative (PFI)***

Aturan PFI yang tidak melibatkan aturan penyampaian perkhidmatan awam, dan mengandungi pajakan perlu dibincangkan dalam Perakaunan Pajakan. Oleh itu, Penyata Kedudukan Kewangan hendaklah mendedahkan Nilai Buku bagi Aset Pajakan PFI di bawah Aset Bukan Semasa.

Bagi aturan yang melibatkan penyampaian perkhidmatan awam oleh Pengendali konsesi perkhidmatan awam (orang awam bertanggungjawab membayar kepada syarikat swasta atas perkhidmatan Aset yang disediakan oleh mereka), Perakaunan Aset Konsesi hendaklah digunakan. Penyata Kedudukan Kewangan hendaklah mendedahkan Nilai Buku Aset Konsesi di bawah Aset Bukan Semasa.

#### **10. ASET YANG DIBELI MENGGUNAKAN PERUNTUKAN AKAUN AMANAH**

Semua perolehan Aset yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Sabah menggunakan Akaun Amanah dibawah Akta Prosedur Kewangan 1957, Seksyen 9 kecuali

*Private Finance Initiative* (PFI) akan diperakaunkan sebagai Belanja di bawah kategori Aset Tidak Dipermodalkan.

#### **11. ASET KEWANGAN**

Aset Kewangan hendaklah diiktiraf di peringkat awalnya pada Nilai Saksama ditambah kos urus niaga yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehan atau penerbitan Aset Kewangan tersebut. Manakala kos urus niaga tersebut tidak diambilkira bagi Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Kurangan. Penyahiktirafan Aset Kewangan apabila hak berkontrak kepada aliran tunai itu ditamatkan atau dilepaskan atau apabila semua risiko, ganjaran dan kawalan telah dipindahkan.

#### **12. TRANSAKSI BAYARAN TERDAHULU**

Pengiktirafan dan pengukuran awal bagi Bayaran Terdahulu akan diiktiraf sebagai Aset Semasa pada Amaun Diurus Niaga.

Tidak ada keperluan untuk pengukuran semula tetapi amaun akan dipindah kepada Belanja atau kelas Aset yang berkenaan mana yang bersesuaian apabila barangan atau perkhidmatan yang berkaitan telah diterima.

#### **13. ASET LUAR JANGKA.**

Jika tidak ada kebarangkalian aliran masuk manfaat ekonomi, Aset Luar Jangka tidak dikehendaki didedahkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Jika ada kebarangkalian aliran masuk manfaat ekonomi, dedahkan amaun Aset Luar Jangka pada Nilai Saksama yang merupakan nilai amaun yang diselesaikan. Amaun yang didedahkan hendaklah merupakan anggaran terbaik.

Jika aliran masuk manfaat ekonomi hampir pasti, amaun diiktiraf sebagai Aset dalam Penyata Kedudukan Kewangan kerana Aset tersebut tidak lagi “luar jangka”.

#### 14. PENUTUP

Semua Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah hendaklah memastikan pematuhan kepada Garis Panduan Polisi Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri Sabah. Sebarang pertanyaan berkaitan pekeliling ini boleh diajukan ke Seksyen Polisi dan Piawaian, Bahagian Perakaunan Akruan, Jabatan Bendahari Negeri Sabah di talian 088 368 577.

Sekian dan terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**DATIN MARY ANGELA SIPAUN C.A(M), FCPA(A), ASEAN CPA**  
Bendahari Negeri

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri,  
Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,  
**88400 KOTA KINABALU**

Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan  
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,  
**88400 KOTA KINABALU**

AKS/HH/sah